



IBU PEJABAT PERKHIDMATAN VETERINAR  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS  
TANI MALAYSIA  
WISMA TANI, BLOK PODIUM 4G1, PRESINT 4  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62630 PUTRAJAYA, MALAYSIA  
Tel: +603 - 8870 2201 Fax: +603-8888 6051 (KPPV)  
Email: pro@dvs.gov.my



## KENYATAAN MEDIA

### KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

### MENJAWAB ISU JPV DAN KARTEL DI ARTIKEL MINGGUAN MALAYSIA BERTARIKH 15 NOVEMBER 2015

Merujuk kepada Artikel di Mingguan Malaysia pada 15 November 2015, bertajuk JPV DAN KARTEL yang ditulis oleh Awang Selamat; JPV ingin membuat penjelasan seperti yang berikut;

1. JPV mengamalkan dasar terbuka untuk pengimportan ternakan lembu dengan syarat pemohon mematuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh JPV; seperti yang dinyatakan di dalam borang Permohonan Kelulusan Mengimport Haiwan Hidup (JPPH-MOA-01). Pemohon boleh merujuk kepada laman web JPV di <http://www.dvs.gov.my/impot/-ekspot>.
2. Setiap permohonan yang diterima akan disemak oleh JPV tanpa prejudis dan akan diangkat untuk kelulusan di peringkat Kementerian. Amalan dasar dan prosedur ini memberi peluang sama rata kepada semua pemohon.

3. Sehingga Oktober 2015, sebanyak 100 buah syarikat (termasuk 35 buah syarikat baru) telah diberi kelulusan untuk mengimport sebanyak 206,440 ekor lembu. Namun demikian, hanya 36 buah syarikat sahaja (termasuk 3 buah syarikat baru) telah mengimport sebanyak 74,013 ekor lembu.
4. Peranan JPV adalah untuk memudahkan cara pengimportan dan memberi peluang kepada sesiapa sahaja untuk mengimport, tertakluk kepada pematuhan keperluan SPS (bebas penyakit haiwan dan zoonotik) sahaja. Protokol import boleh dirujuk di laman web di alamat berikut; <http://www.dvs.gov.my/import-protocol>.
5. Menyentuh isu harga daging ayam, lembu dan kambing yang turut dibangkitkan, sukalah JPV memaklumkan bahawa harga pasaran komoditi ditentukan berdasarkan bekalan dan permintaan. Pada masa ini, harga pasaran ayam semasa adalah rendah iaitu RM5.80 sekilogram. Berbanding dengan Negara ASEAN di mana harganya adalah melebihi RM8.00 sekilogram. Begitu juga, harga pasaran daging lembu segar di Negara kita adalah RM32.00 sekilogram berbanding dengan Negara ASEAN yang mencapai harga melebihi RM43.00 sekilogram.

6. Menyentuh isu Kartel, kajian oleh MyCC (Suruhanjaya Persaingan Malaysia) pada tahun lepas, bagi industri ayam pedaging mendapati, tiada unsur-unsur kartel dalam industri tersebut. JPV juga amat mengalu-alukan MyCC untuk meluaskan skop kajian meliputi ternakan yang lain.

**DATO' DR KAMARUDIN BIN MD ISA  
KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR, MALAYSIA  
16 NOVEMBER 2015**